

**TERMS AND CONDITIONS FOR AFFIN SMART MONEY/OVERDRAFT FACILITY ("T&C")
TERMA DAN SYARAT BAGI KEMUDAHAN UNTUK AFFIN SMART MONEY/OVERDRAFT**

1.0 DOCUMENTATION/DOKUMENTASI

- 1.1 Definition of Customer refers to the applicant and joint applicant (if any) named in the Application Form upon approval of AFFIN Smart Money/Overdraft Facility ("Facility") by the Bank.
Takrif bagi Pelanggan merujuk pemohon dan pemohon bersama (jika ada) yang dinamakan dalam Borang Permohonan selepas Kemudahan AFFIN Smart Money/Overdraft ("Kemudahan") diluluskan oleh Bank.
- 1.2 The Customer named in the application agrees with Affin Bank Berhad ("Bank") that this T&C shall be read together with the Application Form executed by the Customer and shall bind the Customer whose application for the Facility has been approved by the Bank.
Pemohon yang dinamakan dalam Borang Permohonan bersetuju dengan Affin Bank Berhad ("Bank") bahawa Terma dan Syarat (Terma & Syarat) ini akan dibaca bersama Borang Permohonan yang dilaksanakan oleh Pelanggan dan akan mengikat Pelanggan yang permohonannya untuk Kemudahan ini telah diluluskan oleh Bank.
- 1.3 Words which refer to the singular shall include the plural and the same applies in the reverse (vice versa); and masculine gender shall include the feminine and neuter gender and the same applies in the reverse (vice versa).
Perkataan yang merujuk kepada tunggal akan termasuk majmuk dan yang sama terpakai secara terbalik (dan begitu juga sebaliknya); dan jantina maskulin akan termasuk jantina feminin dan jantina neutral dan yang sama terpakai secara terbalik (dan begitu juga sebaliknya).
- 1.4 This T&C and all other documents relating to the Facility shall form a binding agreement of this Facility.
Terma & Syarat ini dan semua dokumen lain berkaitan dengan Kemudahan akan membentuk perjanjian mengikat bagi Kemudahan ini.
- 1.5 This T&C will take effect from the date this Facility is approved.
Terma & Syarat ini akan berkuat kuasa dari tarikh Kemudahan ini diluluskan.

2.0 OVERDRAFT FACILITY / KEMUDAHAN OVERDRAFT

- 2.1 The purpose of the Facility is for the Customer's personal consumption.
Tujuan Kemudahan adalah untuk penggunaan peribadi Pelanggan.
- 2.2 Upon approval of the Facility, the Bank shall deliver to the Customer an Approval Notice stating the approved, total Fixed Deposit/Unit Trust charged to the Bank, interest rate, fees and other charges and any other T&C. The Approval Notice shall be a computer-generated notice.
Selepas Kemudahan diluluskan, Bank hendaklah menyerahkan Notis Kelulusan kepada Pelanggan yang menyatakan kelulusan Kemudahan, jumlah unit Deposit Tetap (yang setara dengan amaun Kemudahan) yang dicagarkan kepada Bank, kadar faedah, fi serta caj lain dan apa-apa Terma & Syarat lain. Notis Kelulusan ialah notis cetakan komputer.
- 2.3 Drawdown of the Facility shall be deemed acceptance of the Facility and the terms and conditions applicable.
Pengeluaran wang pinjaman Kemudahan akan dianggap sebagai penerimaan Kemudahan beserta terma dan syarat terpakai.
- 2.4 A commitment fee of 1% per annum shall be imposed on the daily unutilized portion of the Facility and is to be serviced monthly should the approved Facility limit exceeds RM 250,000.
Fi komitmen sebanyak 1% setahun akan dikenakan ke atas bahagian Kemudahan yang tidak digunakan setiap hari dan hendaklah dibayar secara bulanan jika had Kemudahan yang diluluskan melebihi RM 250,000.
- 2.5 The Facility is repayable on demand and the liabilities under the Facility shall remain continuing until full settlement. Notwithstanding that the Facility is repayable on demand, interest shall be serviced monthly.
Kemudahan perlu dibayar balik apabila diminta dan liabiliti di bawah Kemudahan ini akan terus berkuatkuasa sehingga pembayaran penuh. Walaupun Kemudahan perlu dibayar balik apabila diminta, faedah hendaklah dibayar setiap bulan.
- 2.6 The Facility must be operated within the sanctioned limit. In the event any excess over limit on the sanctioned Facility is approved, the interest rate of 6.31% p.a. above Standardised Base Rate (SBR) shall be charged on daily rest basis on the excess amount until the excess is adjusted.
Kemudahan mesti dikendalikan dalam lingkungan had lulus. Jika ada lebihan limit dari lingkungan had lulus Kemudahan, kadar faedah sebanyak 6.31% setahun melebihi Kadar Asas Standard (KAS) akan dikenakan berdasarkan kiraan baki harian atas amaun lebihan sehingga lebihan itu diselaraskan.

3.0 FIXED DEPOSIT/UNIT TRUST AS SECURITY / DEPOSIT TETAP/UNIT AMANAH SEBAGAI SEKURITI

- 3.1 The Facility is to be secured by First Party Fixed Deposit/Unit Trust ("Security") with an amount equivalent to at least the Facility limit.
Kemudahan hendaklah dijamin oleh Deposit Tetap/Unit Amanah ("Sekuriti") dengan jumlah yang bersamaan sekurang-kurangnya dengan had Kemudahan.
- 3.2 The Security must not be under the name of a minor and/or under third party's name.
Sekuriti tersebut tidak boleh dibuat atas nama orang yang di bawah umur dan/atau di bawah nama pihak ketiga.
- 3.3 The Bank shall not be under any obligation to make any advance or continue to avail the Facility unless the Security held or to be held by the Bank is, in the opinion of the Bank, acceptable and adequate to cover the requests for all advances and/or satisfies the margin requirements stipulated by the Bank.
Bank tiada sebarang obligasi untuk membuat apa-apa pendahuluan atau terus menyediakan Fasilitas melainkan kolateral atau sekuriti yang dipegang atau akan dipegang oleh Bank, pada pendapat Bank, boleh diterima dan mencukupi untuk menampung permintaan untuk semua pendahuluan dan/atau memenuhi keperluan margin yang ditetapkan oleh Bank.
- 3.4 The determination of the adequacy and acceptability of Security and whether margin requirements are satisfied shall at all times be at the Bank's decision.
Penentuan kecukupan dan penerimaan Sekuriti dan sama ada keperluan margin dipenuhi hendaklah pada setiap masa adalah mengikut keputusan Bank.

- 3.5 For the avoidance of doubt and notwithstanding anything to the contrary, if the relevant Security does not meet the relevant requirements or criteria as may be set or imposed by the Bank from time to time (including, without limitation, if the rating of the Security is downgraded to a level or grade that is deemed unacceptable to the Bank), the Bank shall have the right to:
Untuk mengelakkan keraguan dan walau apa pun yang bertentangan, jika Sekuriti yang berkaitan tidak memenuhi keperluan atau kriteria yang berkaitan seperti yang mungkin ditetapkan atau dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa (termasuk, tanpa had, jika penarafan Sekuriti diturunkan ke tahap atau gred yang dianggap tidak boleh diterima oleh Bank), Bank mempunyai hak untuk:
- reject or disallow such Security to be used as collateral;
menolak atau tidak membenarkan sekuriti tersebut digunakan sebagai kolateral;
 - deem such Security to be unsuitable to be used as collateral; and/or
menganggap Sekuriti tersebut sebagai tidak sesuai digunakan sebagai kolateral; dan/atau
 - make a margin call and/or request that the Customer immediately provide such additional or other collaterals as the Bank may deem appropriate.
membuat panggilan margin dan/atau meminta Pelanggan dengan segera memberikan kolateral tambahan atau kolateral lain yang difikirkan sesuai oleh Bank.
- 3.6 Notwithstanding anything to the contrary, the Bank is not required to provide any reason or justification for any of its decisions made under Clause 3.5 above.
Walau apa pun yang bertentangan, Bank tidak perlu memberikan sebarang sebab atau justifikasi bagi mana-mana keputusannya yang dibuat di bawah Fasal 3.5 di atas.
- 3.7 The Customer agrees that notwithstanding the Security provided to the Bank and notwithstanding anything to the contrary, the Bank shall have the right to decide on or vary, amend or change the quantum of financing it wishes to grant or disburse to the Customer without providing any reason whatsoever
Pelanggan bersetuju bahawa walaupun Sekuriti yang diberikan kepada Bank dan walau apa pun yang bertentangan, Bank mempunyai hak untuk memutuskan atau mengubah, meminda atau menukar kuantum pembiayaan yang ingin diberikan atau dikeluarkan kepada Pelanggan tanpa memberikan apa-apa sebab sekalipun.
- 3.8 The Fixed Deposit/Term Deposit-i is held on lien to Bank and subject to automatic renewal. Upon maturity, the Fixed Deposit/Term Deposit-i will be renewed based on 1-month Fixed Deposit/Term Deposit-i rate.
Deposit Tetap/Deposit Berjangka-i dipegang sebagai lien kepada pihak Bank dan tertakluk kepada pembaharuan secara automatik. Setelah matang, Deposit Tetap/Deposit Berjangka-i akan diperbaharui berdasarkan kadar Deposit Tetap/Deposit Berjangka 1 bulan.
- 3.9 The Unit Trust is held on lien to Bank. Any income distribution from the Unit Trust shall be reinvested into the Unit Trust and shall continue to secure the Facility.
Unit Amanah dipegang sebagai lien kepada pihak Bank. Sebarang pengagihan pendapatan dari Unit Amanah akan dilabur semula ke dalam Unit Amanah dan kekal untuk menjamin Kemudahan.
- 3.10 No Hibah Amanah/Pengistiharan Amanah/Trust shall be created against the Security. In the event that a Hibah Amanah/Pengistiharan Amanah/Trust is created against the Security, the Bank's interest as Facility provider shall take priority over all other third-party claims.
Tiada Hibah Amanah/Pengistiharan Amanah/Amanah boleh di buat ke atas Sekuriti. Sekiranya Hibah Amanah/Pengistiharan Amanah/Amanah dibuat terhadap Sekuriti, kepentingan Bank sebagai penyedia Kemudahan akan diutamakan melebihi semua tuntutan pihak ketiga lain;
- 3.11 Bank shall have the right to retain the Security for as long as the Customer maintained the Facility with the Bank.
Pihak Bank mempunyai hak untuk menyimpan Sekuriti selagi Pelanggan masih mengekalkan Kemudahan dengan pihak Bank.

4.0 LOAN TO VALUE RATIO / NISBAH PINJAMAN TERHADAP NILAI

4.1 For the purposes of this clause:

Bagi tujuan fasal ini:

- "Loan to Value Ratio" means the ratio of the loan amount to the Total Recognised Value of Security at any given point in time as determined by the Bank;
"Nisbah Pinjaman terhadap Nilai" bermakna nisbah amaun pinjaman terhadap Keseluruhan Nilai Diiktiraf Sekuriti pada sebarang titik masa yang ditentukan oleh Bank;
- "Total Recognised Value of Security" means the relevant portion of the total value of all Security provided to the Bank that is recognised by the Bank as security for the Facility;
"Keseluruhan Nilai Diiktiraf Sekuriti" bermakna bahagian relevan nilai keseluruhan kesemua Sekuriti yang disediakan kepada Bank yang diiktiraf oleh Bank sebagai sekuriti untuk Kemudahan.
- "Margin Call Ratio" means any time at which the Loan to Value Ratio increase to the ratio (or such other percentage determined by the Bank from time to time) as follows:
"Nisbah Panggilan Margin" bermakna sebarang masa di mana Nisbah Pinjaman terhadap Nilai meningkat ke nisbah (atau sebarang peratusan yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa) seperti berikut:

Type of Security/Jenis Sekuriti	Margin Call Ratio/Nisbah Panggilan Margin
Fixed Deposit/Deposit Tetap	Not Applicable/Tidak Terpakai
Bond/Fixed Income Bonl/Pendapatan Tetap	5% above the Loan to Value Ratio/ 5% di atas Nisbah Pinjaman terhadap Nilai
Mixed Asset/Asset Belbagai	10% above the Loan to Value Ratio/ 10% di atas Nisbah Pinjaman terhadap Nilai
Equity/Ekuiti	15% di atas Nisbah Pinjaman terhadap Nilai

- d) "Force Sell Ratio" means any time at which the Loan to Value Ratio increase 3% (or such other percentage determined by the Bank from time to time) above the Margin Call Ratio.
"Nisbah Jualan Paksa" bermakna sebarang masa di mana Nisbah Pinjaman terhadap Nilai meningkat 3% (atau sebarang peratusan yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa) di atas Nisbah Panggilan Margin.
- 4.2 If in the opinion of the Bank that the Loan to Value Ratio has reached the Margin Call Ratio or higher, the Customer shall within five (5) calendar days (or such other notice period as the Bank may determine) of receipt by the Customer of a notice (Margin Call Notice) from the Bank, ratify the ratio by provide additional Security acceptable to the Bank so as to restore the Financing to Value Ratio to the satisfaction of the Bank.
Jika pada pendapat Bank bahawa Nisbah Pinjaman terhadap Nilai telah mencapai Nisbah Panggilan Margin atau lebih tinggi, Pelanggan hendaklah dalam tempoh lima (5) hari kalendar (atau lain-lain tempoh notis sebagaimana yang ditentukan oleh Bank) selepas Pelanggan menerima notis (Notis Panggilan Margin) dari Bank, meratifikasikan nisbah tersebut dengan menyediakan Sekuriti tambahan yang boleh diterima oleh Bank untuk memulihkan Nisbah Panggilan Margin kepada kepuasan Bank.
- 4.3 For the purposes of this clause and notwithstanding anything to the contrary, the notice may be given to the customer by way of a written notice or verbal notice. For a verbal notice, the Bank is not obligated to provide a written confirmation.
Bagi tujuan fasal ini dan walau apa pun yang bertentangan, notis boleh diberikan kepada pelanggan melalui notis bertulis atau notis lisan. Untuk notis lisan, Bank tiada obligasi untuk memberi pengesahan bertulis.
- 4.4 The Bank reserves the right to liquidate or dispose the Security held in lien to the Bank if the Customer failed to ratify the Margin Call Ratio after fifteen (15) calendar days from the date of the Margin Call Notice and the proceeds will be credited towards adjustment of the loan account. Any shortfall in the account is to be settled by the Customer.
Pihak Bank berhak untuk mencairkan atau melupuskan Sekuriti yang dicagarkan kepada pihak Bank sekiranya Pelanggan gagal meratifikasikan Nisbah Panggilan Margin selepas lima belas (15) hari kalendar dari tarikh Notis Panggilan Margin yang diberikan dan hasilnya akan dikreditkan ke arah pelarasan akaun pinjaman ini. Segala kekurangan dalam akaun akan diselesaikan oleh Pelanggan.
- 4.5 For the purposes of Clause 4.2 above, even if Total Recognised Value of Security move in the Customer's favour such that the Loan to Value Ratio has improved to the acceptable level after the margin call by the Bank, the Customer shall still be required to provide the additional Security acceptable to the Bank in accordance with the margin call.
Bagi tujuan Fasal 4.2 di atas, walaupun Keseluruhan Nilai Diiktiraf Sekuriti bergerak memihak kepada Pelanggan sehingga Nisbah Pinjaman terhadap Nilai telah bertambah baik ke tahap yang boleh diterima selepas panggilan margin oleh Bank, Pelanggan masih dikehendaki menyediakan Sekuriti tambahan yang boleh diterima oleh Bank selaras dengan panggilan margin.
- 4.6 Without prejudice to Clause 4.2 above, if in the opinion of the Bank that the Loan to Value Ratio has reached the Force Sell Ratio or above, the Bank has the immediate right to liquidate or dispose the Security held in lien to the Bank without prior notice to the Customer. The proceeds will be credited towards adjustment of the financing account and any shortfall in the account is to be settled by the Customer.
Tanpa prejudis kepada Fasal 4.2 di atas, jika pada pendapat Bank bahawa Nisbah Pinjaman terhadap Nilai telah mencapai Nisbah Jualan Paksa atau lebih tinggi, pihak Bank mempunyai hak untuk serta-merta mencairkan atau melupuskan Sekuriti yang dicagarkan kepada pihak Bank tanpa notis awal kepada Pelanggan. Hasilnya akan dikreditkan ke arah pelarasan akaun pembiayaan ini dan segala kekurangan dalam akaun akan diselesaikan oleh Pelanggan.
- 5.0 **PRESCRIBED RATE / KADAR DITETAPKAN**
- 5.1 Interest rate as specified in the Application Form is effective from the drawdown of the Facility until full settlement of the account.
Kadar faedah sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang Permohonan berkuat kuasa dari pengeluaran wang Kemudahan sehingga penyelesaian penuh akaun.
- 5.2 Standardised Base Rate (SBR) is as specified in the Application Form and is subject to change of which the Bank Shall provide a written notice on the revised monthly instalment amount at least seven (7) calendar days' prior to the date of the revised monthly instalment comes into.
Kadar Asas Standard (KAS) semasa adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang Permohonan dan tertakluk kepada perubahan yang akan diberikan notis bertulis oleh Bank terlebih dahulu berkenaan amaun ansuran bulanan yang disemak semula sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar sebelum tarikh ansuran bulanan yang disemak semula dikuatkuasakan.
- 5.3 The interest rate is calculated on daily outstanding amount and is to be serviced on a monthly basis.
Kadar faedah yang dikira berdasarkan baki belum jelas setiap hari dan hendaklah dibayar setiap bulan.
- 5.4 The Prescribe Rate as specified in the Application Form is offered to Customer on the basis that the Facility is utilized within the sanctioned limit.
Kadar Ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang Permohonan ditawarkan kepada Pelanggan atas dasar Kemudahan digunakan dalam lingkungan had lulus.
- 6.0 **CONDITIONS PRECEDENT FOR DISBURSEMENT / SYARAT TERDAHULU BAGI PENGELUARAN WANG**
- 6.1 Disbursement of the Facility (as revised, restructured, renewed or supplemented from time to time by the Bank) is upon fulfillment of the following conditions precedent and such other conditions precedent as the Bank may require upon notice to the Customer. There must also not be any material changes affecting the Customer's financial condition and that none of the events set out in clause 15 of this T&C has occurred or may occur:
Pembayaran Kemudahan (sebagaimana disemak semula, disusun semula, diperbaharui atau ditambah dari semasa ke semasa oleh Bank) adalah selepas pematuhan syarat terdahulu yang berikut dan syarat terdahulu lain seumpamanya yang mungkin dikehendaki oleh Bank selepas memberikan notis kepada Pelanggan. Tidak ada juga apa-apa perubahan ketara yang menjejaskan keadaan kewangan Pelanggan dan tidak ada satu pun kejadian yang dinyatakan dalam fasal 15 Terma & Syarat ini yang telah berlaku atau mungkin berlaku:
- a) receipt by the Bank of a duly accepted and signed Application Form together with the relevant documents;
Bank menerima Borang Permohonan yang diterima dan ditandatangani sewajarnya berserta dokumen yang berkaitan;
 - b) receipt by the Bank of a favorable results from searches and no negative indications from CCRIS, FIS or any other reference agencies considered necessary by the Bank;
Bank menerima keputusan yang memuaskan daripada carian dan tiada penunjuk negatif daripada CCRIS, FIS atau mana-mana agensi rujukan lain yang dianggap perlu oleh Bank;

- c) receipt by the Bank of the Processing Fee (if applicable);
Bank menerima Fi Pemprosesan (jika berkenaan);
- d) the Customer is required to open and maintain a current account with the Bank for the Facility application. This requirement is exempted for the Bank's existing account holders. The Customer must ensure that sufficient funds are maintained in the current account for the payment of monthly instalments under the Facility;
Pelanggan perlu membuka dan mengekalkan akaun semasa dengan Bank untuk permohonan Kemudahan. Keperluan ini dikecualikan bagi pemegang akaun Bank sedia ada. Pelanggan perlu memastikan dana yang mencukupi dikekalkan dalam akaun semasa bagi pembayaran ansuran bulanan di bawah Kemudahan;
- e) the additional conditions precedent (if any) shall have been satisfied and fulfilled; and
syarat terdahulu tambahan (jika ada) hendaklah dipenuhi dan dipatuhi; dan
- f) Stamp Duty shall be deducted from the Customer's current account.
Duti Setem akan ditolak daripada akaun semasa Pelanggan.
- 6.2 The conditions for disbursement set out in this T&C are intended solely for the benefit of the Bank. The Bank may waive these conditions, in whole or in part, without affecting its right to enforce them, in whole or in part, of any subsequent utilisation of the Facility.
Syarat pengeluaran wang yang dinyatakan dalam Terma & Syarat ini bertujuan untuk manfaat tunggal Bank. Pihak Bank boleh mengetepikan syarat ini secara keseluruhan atau sebahagian, tanpa menjejaskan haknya untuk menguatkuasakan, keseluruhan atau sebahagian, daripada sebarang penggunaan Kemudahan berikutnya.
- 6.3 The Bank may make early disbursement of all or part of the Facility amount to the Customer before the perfection of any of the conditions precedent or the security document(s). PROVIDED ALWAYS that such early disbursement is without prejudice to all of the Bank's rights and remedies in this document and security documents for the Facility and shall not be construed/considered as a waiver by the Bank of such condition(s) or for the required security to be provided unless stated otherwise in writing.
Pihak Bank boleh membuat pengeluaran awal keseluruhan atau sebahagian jumlah Kemudahan kepada Pelanggan sebelum penyempurnaan sebarang syarat terdahulu atau dokumen sekuriti, DENGAN SYARAT pengeluaran awal tersebut adalah tanpa menprejudiskan hak dan remedi Bank di dalam dokumen ini dan dokumen sekuriti untuk Kemudahan ini dan tidak boleh ditafsirkan/dianggap sebagai Bank mengetepikan syarat tersebut atau keperluan untuk menyediakan sekuriti kecuali dinyatakan sebaliknya secara bertulis.
- 7.0 RIGHT TO REVIEW AND TERMINATE THE FACILITY / HAK UNTUK MENYEMAK SEMULA DAN MENAMATKAN KEMUDAHAN**
- 7.1 The Bank reserves the right and is entitled to review the Facility at any time as the Bank deems fit, without any obligation, be it at law or in equity, to give any reasons and whether or not the events set out in Clause 15 of this T&C have occurred.
Pihak Bank berhak dan layak untuk menyemak Kemudahan ini pada bila-bila masa jika dianggap sesuai mengikut budi bicaranya, tanpa sebarang obligasi, sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, untuk memberikan sebarang sebab dan sama ada kejadian yang dinyatakan dalam Fasal 15 dalam Terma dan Syarat ini telah berlaku atau tidak.
- 7.2 Nothing contained in this T&C shall be deemed to impose on the Bank any obligation, either at law or in equity, to make or continue to make available the Facility.
Tidak ada sebarang yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini boleh dianggap meletakkan Bank ke atas sebarang obligasi, sama ada dari segi undang-undang atau ekuiti, untuk membuat atau terus menyediakan Kemudahan ini.
- 7.3 Notwithstanding any other provision contained in this T&C or in any other document, the Bank will at all times have the right to terminate, cancel, suspend or reduce the limit of all or any part of the Facility and/or to require immediate payment, any form of additional security and/or cash collateralisation of all or any part of the sums actually or contingently owing to it with at least twenty-one (21) calendar days' of prior notice and reason to the Customer.
Dengan tidak menyentuh apa-apa peruntukan lain yang terkandung dalam Terma & Syarat ini atau dalam mana-mana dokumen lain, Bank akan pada setiap masa berhak untuk menamatkan, membatalkan, menggantung atau mengurangkan had semua atau mana-mana bahagian Kemudahan dan/atau mengkehendaki bayaran segera, apa-apa bentuk sekuriti tambahan dan/atau cagaran tunai bagi semua atau mana-mana bahagian jumlah yang sebenarnya atau secara luar jangka terutang padanya dengan memberikan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar beserta sebab kepada Pelanggan.
- 7.4 If the Facility is terminated, the Bank reserves the right to set off available balances in Customer account including other current accounts, savings accounts, fixed deposits and other account towards settlement of the outstanding balance in the Facility account.
Sekiranya Kemudahan ditamatkan, pihak Bank mempunyai hak untuk tolak selesai semua baki sedia ada dalam akaun Pelanggan termasuk akaun semasa, akaun simpanan, deposit tetap lain dan akaun lain bagi menyelesaikan baki belum jelas dalam akaun Kemudahan.
- 7.5 In the event the proceeds are insufficient to settle the outstanding balance, the Customer shall pay the differential sum with interest accruing on it.
Sekiranya hasil tidak mencukupi untuk menyelesaikan baki tertunggak yang belum dijelaskan, Pelanggan hendaklah membayar perbezaan jumlah dengan faedah yang terakru padanya.
- 8.0 REPAYMENT / PEMBAYARAN BALIK**
- 8.1 The Customer shall be liable to pay to the Bank such amounts as set out in the Disbursement Notice or as shall be notified by the Bank as the sum owing and payable to the Bank within such time as specified in the Disbursement Notice, as the case may be.
Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar kepada Bank amaun tersebut sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis Pengeluaran Wang atau seperti yang akan dimaklumkan oleh Bank sebagai jumlah terutang dan perlu dibayar kepada Bank dalam tempoh seumpamanya sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis Pengeluaran Wang, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 8.2 The monthly instalment is subject to Prescribed Rate and the daily outstanding amount.
Ansuran bulanan tertakluk kepada Kadar Ditetapkan and amaun yang masih belum dijelaskan setiap hari.
- 8.3 In the event the Prescribed Rate is varied, the Bank reserves the right to vary the instalment amount accordingly with a written advance notice of not less than twenty-one (21) calendar days to the Customer.
Sekiranya Kadar Ditetapkan berubah, Bank berhak untuk mengubah amaun ansuran sewajarnya dengan notis bertulis terlebih dahulu tidak kurang dari 21 hari kalendar kepada Pelanggan.

9.0 REPRESENTATIONS AND WARRANTIES / PERNYATAAN DAN WARANTI

9.1 The Customer gives representations and warranties that:-

Pelanggan menyatakan dan memberikan waranti bahawa:-

- a) the Customer has the capacity to enter and undertake the obligations as stated in this T&C, the guarantee, and the security documents (as the case may be);
Pelanggan mempunyai kemampuan untuk memasuki dan melakukan obligasi seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, jaminan dan dokumen sekuriti tersebut (mengikut keadaan);
- b) the Customer is not in default of any agreement (whether in relation to payment, performance or otherwise) to which the Customer is a party or by which the Customer is bound;
Pelanggan tidak memungkirkan apa-apa perjanjian (sama ada berkaitan pembayaran, pelaksanaan atau selainnya) yang Pelanggan adalah satu pihak padanya atau Pelanggan telah terikat padanya;
- c) there is no litigation, arbitration or dispute whether actual, pending or threatened against the Customer;
tiada litigasi, timbang tara atau pertikaian sama ada sebenar, belum selesai atau mengancam Pelanggan;
- d) all financial statements received or to be received by the Bank in respect of the Customer present a true and fair view of the Customer's financial position;
semua penyata kewangan diterima atau akan diterima oleh Bank berhubung dengan Pelanggan memberikan gambaran yang benar dan adil tentang kedudukan kewangan Pelanggan;
- e) there is no material adverse change in the Customer's financial condition, and where applicable, the operating environment or management of the Customer's business which will materially affect the Customer's ability to perform the Customer's obligations under this T&C and/or the security documents;
tiada perubahan yang teruk dan ketara dalam keadaan kewangan Pelanggan, dan jika berkenaan, persekitaran operasi atau pengurusan perniagaan Pelanggan yang akan menjejaskan dengan ketara keupayaan Pelanggan untuk melaksanakan obligasinya di bawah Terma & Syarat ini dan/atau dokumen sekuriti;
- f) the Customer is the legal and beneficial owners of any assets which are offered as security to the Bank in respect to the Facility, this T&C and the security documents;
Pelanggan ialah pemilik sah dan benefisial bagi apa-apa aset yang ditawarkan sebagai sekuriti kepada Bank berhubung dengan Kemudahan, Terma & Syarat ini dan dokumen sekuriti;
- g) acceptance of this T&C, delivery and performance of all obligations thereunder will constitute valid and enforceable obligations and do not or will not contravene the provisions of any law, regulation, rule, order, writ, injunction or decree of any court, administrative or regulatory body to which the Customer is subject. It will also not contravene any other agreement to which the Customer is a party or undertaking by which the Customer or the Customer's assets are bound;
penerimaan Terma & Syarat ini, penyerahan dan pelaksanaan semua obligasi di bawahnya akan membentuk obligasi sah dan boleh dikuatkuasakan dan tidak atau tidak akan melanggar peruntukan apa-apa undang-undang, peraturan, kaedah, perintah, writ, injunksi atau dekri mana-mana mahkamah, badan pentadbiran atau kawal selia yang Pelanggan tertakluk kepadanya. Ia juga tidak akan melanggar apa-apa perjanjian lain yang Pelanggan adalah satu pihak padanya atau aku janji yang Pelanggan atau aset Pelanggan telah terikat padanya;
- h) the Customer has fully disclosed in writing to the Bank all facts relating to the Customer which the Customer know or should reasonably know and which are material for disclosure to the Bank in the context of the Facility;
Pelanggan telah mendedahkan sepenuhnya secara bertulis kepada Bank tentang semua fakta berkaitan Pelanggan yang diketahui atau seharusnya diketahui secara munasabah oleh Pelanggan dan penting untuk pendedahan kepada Bank dalam konteks Kemudahan;

10.0 SECURITY / SEKURITI

10.1 Any security taken by the Bank or any money deposited with the Bank shall continue to be held by the Bank until all the amounts outstanding from the Customer to the Bank under all the Customer's Facility with the Bank, including contingent liabilities, has been fully settled by the Customer and the expired guarantees/bonds/indemnities, documentary or other credits or any instruments whatever from time to time entered into by the Bank for the Customer's account have been returned to the Bank for cancellation notwithstanding:

Apa-apa sekuriti yang diambil oleh Bank atau apa-apa wang yang didepositkan dengan Bank akan terus dipegang oleh Bank sehingga semua amaun yang belum dijelaskan daripada Pelanggan kepada Bank di bawah semua Kemudahan Pelanggan dengan Bank, termasuk liabiliti luar jangka, telah diselesaikan sepenuhnya oleh Pelanggan dan jaminan/bon/tanggung rugi yang telah tamat tempoh, dokumen atau kredit lain atau apa jua surat cara dari semasa ke semasa yang diikat oleh Bank bagi akaun Pelanggan telah dikembalikan kepada Bank untuk pembatalan walaupun:

- a) that the Customer cease to be indebted to the Bank for any period or periods;
Pelanggan tidak lagi berhutang kepada Bank untuk apa-apa tempoh;
- b) that any of the Customer's account(s) with the Bank from any reason whatsoever cease to be current and notwithstanding any settlement of account(s) or otherwise;
apa-apa akaun Pelanggan dengan Bank atas apa jua sebab tidak lagi ada dan walaupun apa-apa penyelesaian akaun atau selainnya dibuat;
- c) that any change by amalgamation, consolidation or in the constitution of any guarantor or the Bank; or
apa-apa perubahan melalui penyatuan, penggabungan atau dalam perlembagaan mana-mana penjamin atau Bank; atau
- d) the Customer's death, mental incapacity or bankruptcy.
kematian, ketidakupayaan mental atau kebangkrutan Pelanggan.

11.0 COST, EXPENSES AND FEES / KOS, PERBELANJAAN DAN FI

11.1 Notwithstanding that the Facility may be cancelled or aborted for any reason whatsoever at any time:

Walaupun Kemudahan boleh dibatalkan atau dihentikan kerana apa jua sebab pada bila-bila masa:

- a) all costs and expenses whatsoever including abortive costs, stamp duty (including other similar duties and taxes and any penalties thereon), printing and all other costs relating to the Facility incurred by the Bank in connection with the negotiation, preparation or completion of the Facility or the recovery thereof or the redemption of the Customer's account or in connection with any of the Customer's accounts or assets shall be payable by the Customer on demand, on a full indemnity basis.
semua kos dan perbelanjaan walau apa pun termasuk kos henti, duti setem (termasuk duti dan cukai lain yang serupa dan apa-apa penalti padanya), cetakan dan semua kos lain berkaitan Kemudahan yang ditanggung oleh Bank berkaitan rundingan, penyediaan atau penyempurnaan Kemudahan atau tuntutan baliknya atau penebusan akaun Pelanggan atau berkaitan apa-apa akaun atau aset Pelanggan hendaklah dibayar oleh Pelanggan apabila diminta, berdasarkan tanggungan rugi penuh.
- b) if any money payable under the Facility is required to be recovered through any process of law or such other process, or placed in the hands of solicitors for collection, the Customer shall be liable to pay the Bank's solicitors (on a solicitor and client basis) and any other fees and expenses incurred in respect of such collection.
jika apa-apa wang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan perlu didapatkan semula melalui apa-apa proses undang-undang atau proses lain seumpamanya, atau diletakkan dalam simpanan peguam cara untuk kutipan, Pelanggan akan bertanggungjawab untuk membayar fi guaman Bank (berdasarkan rundingan peguam cara dengan pelanggan) dan apa-apa fi dan perbelanjaan lain yang ditanggung berhubung kutipan tersebut.
- c) the Bank shall have the right to charge the Customer's account with relevant fees and charges arising from the Facility including the costs mentioned in the preceding paragraphs. *Pihak Bank mempunyai hak untuk mendebit akaun Pelanggan dengan keuntungan, komisen, caj, fi, dan semua wang yang berbangkit dari Kemudahan ini termasuk kos yang disebutkan dalam fasal sebelum ini.*

12.0 APPLICATION/TRANSFER OF MONIES / PERMOHONAN/ PEMINDAHAN WANG

12.1 If any sum paid or recovered in respect of the Customer's liabilities is less than the amount owing, the Bank may apply that sum to interest, fees, principal or any amount due in such proportion and order and generally in such manner as the Bank thinks fit or may credit or transfer any monies standing to the credit of the Customer's Bank's account (s) of whatever description and wherever located towards discharge of the sum due to the Bank to a non-interest bearing suspense account for as long as the Bank thinks fit without any obligation in the meantime to apply the same or any part thereof in or towards the discharge of any money or liabilities due or incurred by the Customer to the Bank.

Jika apa-apa jumlah yang dibayar atau didapatkan semula berhubung dengan liabiliti Pelanggan kurang daripada amaun terhutang, maka Bank boleh menggunakan jumlah tersebut untuk membayar faedah, fi, jumlah pokok atau apa-apa amaun yang perlu dibayar dalam perkadaran dan urutan tersebut dan secara umumnya dengan cara seperti yang difikirkan sesuai oleh Bank atau boleh mengkreditkan atau memindahkan apa-apa wang yang masih belum dikreditkan ke dalam akaun Bank Pelanggan walau apa jua jenisnya dan walau di mana pun ia berada untuk menjelaskan jumlah yang perlu dibayar kepada Bank ke dalam akaun digantung tanpa faedah selagi yang difikirkan sesuai oleh Bank tanpa apa-apa obligasi pada masa itu untuk menggunakan jumlah itu atau mana-mana bahagiannya untuk menjelaskan apa-apa wang atau liabiliti yang perlu dibayar atau ditanggung oleh Pelanggan kepada Bank.

13.0 RIGHT OF SET OFF, COMBINATION OR CONSOLIDATION OF ACCOUNTS / HAK UNTUK PENOLAKAN, PENGGABUNGAN ATAU PENYATUAN AKAUN

13.1 RIGHT TO CONSOLIDATE ACCOUNTS/HAK UNTUK PENYATUAN AKAUN

Upon providing seven (7) days' prior notice to the Customer, the Bank shall have the right to consolidate any or all accounts of the Customer with the Bank. Such right may be exercised by the Bank following the occurrence of an Event of Default. The Customer shall not be entitled to require the release of any security provided to the Bank except upon full settlement all monies due under the Facility(ies) or any other account where the Customer is a Joint Applicant or security provider.

Setelah memberikan notis awal tujuh (7) hari kepada Pelanggan, Bank mempunyai hak untuk menyatukan manamana atau semua akaun Pelanggan dengan Bank. Hak tersebut boleh dilaksanakan oleh Bank berikutan kejadian Peristiwa keingkaran berlaku. Pelanggan tidak berhak untuk pelepasan mana-mana sekuriti yang diberikan kepada Bank kecuali apabila Pelanggan membayar kepada Bank semua wang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan atau akaun lain di mana Pelanggan adalah penjamin atau penyedia sekuriti.

13.2 RIGHT OF SET-OFF/ HAK TOLAK SELESAI

- a) The Bank has the right, after giving seven (7) days' notice to the Customer, to set off or transfer any sum standing to the credit in any one or more of the Customer's accounts with the Bank in or towards satisfaction of any arrears and/or indebtedness.
Bank mempunyai hak, selepas memberikan notis tujuh (7) hari kepada Pelanggan, untuk menolak atau memindahkan apa-apa jumlah yang tetap kepada kredit dalam mana-mana satu atau lebih akaun Pelanggan dengan Bank dalam atau ke arah kepuasan sebarang tunggakan dan/atau keterhutangan.
- b) The Bank may, at the same time earmark or place a hold on any available funds standing to credit in all or any of the Customer's account with the Bank upon issuance of the notice to set off to the Customer. The Customer shall not be entitled to withdraw the available funds so earmarked /put on hold without the Bank's prior written consent.
Bank boleh, pada masa yang sama memperuntukkan atau menahan mana-mana dana yang tersedia untuk dikreditkan dalam semua atau manamana akaun Pelanggan dengan Bank apabila notis untuk ditolak kepada Pelanggan dikeluarkan. Pelanggan tidak berhak untuk mengeluarkan dana yang tersedia yang diperuntukkan / ditangguhkan tanpa kebenaran bertulis Bank terlebih dahulu.
- c) Where such combination or set off requires the conversion of one currency into another currency, the rate shall be calculated at the then prevailing spot rate of exchange of the Bank.
Jika gabungan atau tolak sedemikian memerlukan penukaran satu mata wang kepada mata wang lain, kadar tersebut hendaklah dikira pada kadar pertukaran semerta Bank pada masa itu.

14.0 STATEMENT BY BANK / PENYATA BANK

14.1 A statement or notice by the manager or any duly authorised officer or agent of the Bank for the time being or computer-generated notices issued by the Bank which do not require signatures issued by the Bank as to the amount of such balance outstanding, and liabilities incurred or due to the Bank or as to the rate of interest or the amount of interest payable, shall be conclusive evidence for all purposes, save for manifest error.

Penyata atau notis oleh pengurus atau mana-mana pegawai atau ejen Bank yang diberi kuasa pada masa ini atau notis yang dijana komputer yang dikeluarkan oleh Bank yang tidak memerlukan tandatangan yang dikeluarkan oleh Bank mengenai jumlah baki tertunggak tersebut, dan liabiliti yang ditanggung atau terutang kepada Bank atau mengenai kadar faedah atau jumlah faedah yang perlu dibayar, hendaklah menjadi bukti muktamad untuk semua tujuan, kecuali kesilapan yang nyata.

14.2 It is the Customer's obligation to check that the statement furnished by the Bank is correct. If the Bank does not receive a written objection from the Customer to the contents of the statement within twenty-one (21) days (or such other shorter period as may be necessary to be imposed by the Bank as a result of the coming into force of any relevant law, regulation or guideline) of the statement date, in the absence of any obvious error on the face of the statement or fraud by the Bank, the Customer shall be deemed conclusively to have accepted the contents of such statement as true and accurate and such statement shall be final and conclusive and binding on the Customer for all purposes whatsoever including for the purposes of any legal proceedings. *Adalah menjadi kewajipan Pelanggan untuk menyemak sama ada penyata yang diberikan oleh Bank adalah betul. Jika Bank tidak menerima bantahan bertulis daripada Pelanggan terhadap kandungan penyata dalam tempoh dua puluh satu (21) hari (atau tempoh lain yang lebih singkat yang mungkin perlu dikenakan oleh Bank akibat berkuatkuasanya mana-mana undang-undang, peraturan atau garis panduan) tarikh penyata yang berkaitan, jika tiada sebarang kesilapan yang jelas pada muka penyata atau penipuan oleh Bank, Pelanggan hendaklah dianggap secara muktamad telah menerima kandungan penyata tersebut sebagai benar dan tepat dan pernyataan sedemikian adalah muktamad dan konklusif dan mengikat Pelanggan untuk semua tujuan sekalipun termasuk untuk tujuan prosiding undang-undang.*

15.0 EVENTS OF DEFAULT / KEJADIAN MUNGKIR

15.1 Notwithstanding any payment on demand clause in this T&C, the outstanding Facility (including profit on the same and all other monies due) shall become immediately due and payable, and the Bank shall have the right to enforce and exercise all its rights and remedies, in any of the following events: *Walau apa pun fasal pembayaran atas tuntutan dalam Terma dan Syarat, Kemudahan yang tertunggak (termasuk keuntungan darinya dan semua wang lain yang perlu dibayar) akan menjadi serta merta boleh dilaksanakan dan dilakukan oleh Bank tanpa tuntutan awal jika salah satu kejadian berikut berlaku:*

- a) if the Customer fails to pay to the Bank:
jika Pelanggan gagal membayar kepada Bank:
 - i. on demand any monies on the Facility; or
apabila diminta apa-apa wang untuk Kemudahan; atau
 - ii. on its due date any monies payable as mentioned in the approval notice or under any agreement or arrangement with the Bank in respect of the Facility and such amounts are in arrears for two (2) months.; or
pada tarikh sepatutnya sebarang wang yang perlu dibayar seperti yang disebutkan dalam notis kelulusan atau di bawah perjanjian atau pengaturan dengan Bank berkenaan dengan Kemudahan dan jumlah tersebut adalah tertunggak selama dua (2) bulan; atau
 - iii. to ratify the Margin Call Ratio within five (5) calendar days (or such other notice period as the Bank may determine) of receipt by the Customer of the Margin Call Notice from the Bank; or
untuk meratifikasikan Nisbah Panggilan Margin tersebut dalam tempoh lima (5) hari calendar (atau sebarang tempoh notis yang ditetapkan oleh Bank) selepas Pelanggan menerima Notis Panggilan Margin dari Bank; atau
 - iv. if the Loan to Value Ratio has reached the Force Sell Ratio; or
jika Nisbah Pinjaman terhadap Nilai telah mencapai Nisbah Jualan Paksa; atau
- b) if the Customer breaches or threatens to breach any covenant, undertaking, term, conditions or provisions of this T&C or in any document delivered pursuant to the Facility or the security documents (other than an obligation of the type referred to in clause 15(1)(a) above) and fails to remedy such breach within twenty-one (21) calendar days after notice from the Bank or such other time period stipulated by the Bank.
jika Pelanggan melanggar atau mengancam untuk melanggar apa-apa waad, aku janji, terma, syarat atau peruntukan Terma dan Syarat ini atau dalam apa-apa dokumen yang diserahkan menurut Kemudahan atau dokumen sekuriti (selain jenis obligasi yang dirujuk dalam 15(1)(a) di atas) dan gagal meremеди pelanggaran tersebut dalam tempoh 21 hari calendar selepas notis daripada Bank atau tempoh lain seumpamanya yang ditetapkan oleh Bank.
- c) if legal proceedings suits or actions of any kind whatsoever (civil or criminal) is instituted against the Customer.
jika prosiding undang-undang, tindakan guaman atau apa jua jenis tindakan (sivil atau jenayah) dimulakan terhadap Pelanggan.
- d) if the Customer commits an act of bankruptcy, becomes insane or passes away.
jika Pelanggan terlibat dalam tindakan kebangkrutan, menjadi tidak siaman atau meninggal dunia
- e) if the Customer enters into composition, moratorium or arrangement with or makes a general assignment for the benefit of the Customer or the creditors.
jika Pelanggan memasuki komposisi, moratorium atau pengaturan dengan, atau membuat penyerahan hak umum bagi manfaat pemiutang atau Pelanggan.
- f) if any event occurs or circumstances arise including changes in the Customer's financial condition which in the opinion of the Bank prejudice the Customer's ability to perform the Customer's obligations herein or under any of the security documents.
jika apa-apa kejadian berlaku atau keadaan wujud termasuk perubahan dalam keadaan kewangan Pelanggan yang pada pendapat Bank menjejaskan keupayaan Pelanggan untuk melaksanakan obligasinya dalam dokumen ini atau di bawah apa-apa dokumen sekuriti.
- g) if the Customer fails to operate the Customer's account(s) with the Bank in a satisfactory manner.
jika Pelanggan gagal mengendalikan akaunnya dengan Bank dengan cara yang memuaskan.

- h) if any representation or warranty made or implied to the Bank is incorrect or misleading in a material particular as of the date on which it was made or deemed to have been made.
jika apa-apa pernyataan atau waranti yang dibuat atau tersirat kepada Bank adalah tidak benar atau mengelirukan dalam butiran penting seperti tarikh ia dibuat atau dianggap telah dibuat.
- i) if any other event occurs which in the opinion of the Bank could or might affect or prejudice the Customer's ability or willingness to comply with all or any of the Customer's obligations under this T&C under the security documents respectively.
jika apa-apa kejadian lain berlaku yang pada pendapat Bank boleh atau mungkin mempengaruhi atau menjejaskan keupayaan atau kesediaan Pelanggan untuk mematuhi semua atau apa-apa obligasinya di bawah Terma & Syarat ini atau di bawah dokumen sekuriti yang berkaitan.
- j) If the Customer commits a default of any provision of any agreement, security document, or both relating to other accounts, loans, financing facilities or similar arrangement with any party (including the Bank).
Jika Pelanggan melakukan keingkaran terhadap mana-mana peruntukan mana-mana perjanjian, dokumen sekuriti, atau kedua-duanya yang berkaitan dengan akaun lain, pinjaman, kemudahan pembiayaan atau perjanjian yang serupa dengan mana-mana pihak (termasuk Bank).
- k) If/Jika
- any other indebtedness of the Customer becomes payable or capable of being declared payable or due prematurely, due to a default in its obligations with respect to that indebtedness;
sebarang keterhutangan lain Pelanggan menjadi perlu dibayar atau boleh diisytiharkan sebagai perlu dibayar atau perlu dibayar sebelum waktunya, disebabkan oleh keingkaran dalam obligasinya berkenaan dengan keterhutangan itu;
 - the Customer fails to make any payment in respect of that indebtedness on the due date for such payment, or if due on demand when demanded; or
Pelanggan gagal membuat apa-apa bayaran berkenaan dengan keterhutangan itu pada tarikh tamat pembayaran tersebut, atau jika perlu dibayar apabila diminta apabila dituntut; atau
 - the security for any such indebtedness becomes enforceable.
jaminan untuk sebarang keterhutangan sedemikian menjadi boleh dikuatkuasakan.
- 15.2 Upon the occurrence of any event of default as stated above, the Bank has the right after giving the Customer seven (7) calendar days' notice, to utilize, liquidate or dispose the Securities over which it holds a lien. The proceeds will be applied towards the adjustment and/or settlement of the Customer's liability with the Bank. Any shortfall in the Facility remains the Customer's liability and shall be due and payable immediately. Any surplus will be paid to the Customer.
Apabila berlaku sebarang kejadian keingkaran seperti yang dinyatakan di atas. Bank mempunyai hak selepas memberi Pelanggan notis tujuh (7) hari kalendar, untuk menggunakan/mencairkan/menlupuskan Sekuriti yang dipegangnya lien dan menggunakan hasil ke arah pelarasan dan/atau penyelesaian liabiliti Pelanggan dengan Bank. Sebarang kekurangan dalam akaun kekal sebagai liabiliti Pelanggan dan akan perlu dibayar serta-merta. Sebarang lebihan akan dibayar kepada Pelanggan.
- 16.0 **DEBT RECOVERY / TUNTUTAN BALIK HUTANG**
- 16.1 Subject to Clause 16.2, the Bank may contact the personal reference as stated in this Application Form in the event the Customer is not contactable/reachable. *Tertakluk kepada Fasal 16.2, Bank boleh menghubungi rujukan peribadi sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang permohonan ini sekiranya Pelanggan tidak dapat dihubungi jika terdapat apa-apa kurangan baki selepas pembubaran untuk proses tuntutan balik.*
- 16.2 The Customer confirms that by providing personal reference information in this Application Form, their consent has been obtained for the purpose related to or in connection with the facility under this T&C.
Pelanggan mengesahkan bahawa dengan memberikan maklumat rujukan peribadi dalam Borang Permohonan ini, kebenaran mereka telah diperolehi bagi tujuan yang berkaitan atau berhubung dengan Kemudahan di bawah Terma & Syarat ini.
- 16.3 The Bank has the right to terminate the Facility in the event the overdraft limit is exceeded for two (2) consecutive months due to non-servicing of interest. The Facility shall be terminated, and the fixed deposit(s)/ Unit Trust(s) uplifted with proceeds used to set-off the outstanding balance in the Facility account.
Pihak Bank mempunyai hak untuk menamatkan Kemudahan sekiranya had Kemudahan melebihi had selama dua (2) bulan berturut-turut disebabkan oleh faedah tidak berbayar. Kemudahan akan ditamatkan dan deposit tetap/ unit amanah dicairkan dengan prosid digunakan untuk menolak selesai baki belum jelas dalam akaun Kemudahan.
- 17.0 **FORCE SELL OR UPLIFTING OR LIQUIDATION OF SECURITY / JUALAN PAKSA ATAU MENARIKBALIK ATAU PENCAIRAN SEKURITI**
- 17.1 The Bank will not be liable to the Customer for any loss suffered by the Customer as a result of any fall in the market price of the Securities between the time the right to force sell or uplifting or liquidation arose and the time the Bank actually sells or uplifts or liquidates the Securities.
- 17.2 *Pihak Bank tidak akan bertanggung kepada Pelanggan terhadap sebarang kerugian yang dialami oleh Pelanggan akibat dari kejatuhan harga pasaran Sekuriti dari masa hak untuk jualan paksa atau menarik balik atau mencairkan Sekuriti berlaku dan masa di mana Bank menjual atau menarik balik atau mencairkan Sekuriti.*
- 18.0 **ASSIGNMENT/SALE/TRANSFER / PENYERAHAN HAK/PENJUALAN/PINDAH MILIK**
- 18.1 Save and except where the transfer and/or assignment is detrimental to the Customer, the Bank shall be entitled after giving notice to the Customer to transfer, sell, participate in secondary debt markets or assign all or any part of its rights, benefits and obligations under this T&C and/or any security document by assigning to any other party all or any part of the Bank's rights and benefits under this T&C and/or any security document.
Kecuali dan melainkan pindah milik dan/atau penyerahan hak menjejaskan Pelanggan, Bank berhak selepas memberikan notis kepada Pelanggan untuk memindah milik, menjual, menyertai pasaran hutang sekunder atau menyerahkan hak semua atau mana-mana bahagian hak, manfaat dan obligasinya di bawah Terma & Syarat ini dan/atau apa-apa dokumen sekuriti dengan menyerah hak kepada mana-mana pihak lain semua atau mana-mana bahagian hak dan manfaat Bank di bawah Terma & Syarat ini dan/atau apa-apa dokumen sekuriti.
- 18.2 The Customer may not transfer or assign any of the Customer's rights, benefits and obligations under this T&C and/or any security document without the prior written consent of the Bank and any purported assignment without such consent shall be null and void.
Pelanggan tidak boleh memindah milik atau menyerahkan hak apa-apa hak, manfaat dan obligasi Pelanggan di bawah Terma dan Syarat ini dan/atau apa-apa dokumen sekuriti tanpa mendapatkan kebenaran bertulis daripada Bank terlebih dahulu dan apa-apa penyerahan hak yang dimaksudkan itu tanpa kebenaran tersebut adalah terbatal dan tidak sah.

19.0 CHANGE IN CIRCUMSTANCES / PERUBAHAN KEADAAN

19.1 Illegality: If the Bank determines that the introduction or variation of any law, regulation or official directive (whether or not having the force of law) or any change in the interpretation or application thereof makes it unlawful for the Bank to maintain, fund or give effect to its obligations hereunder, the Bank shall notify in not less than twenty-one (21) calendar days of such termination to the Customer. The Facility shall be cancelled to the extent necessary, and the Customer shall, upon notice from the Bank, repay all monies payable under the Facility together with any interest thereon and all other monies agreed to be paid by the Customer in this T&C.

Kepenyalaan undang-undang: Jika Bank menentukan bahawa pengenalan atau perubahan apa-apa undang-undang, peraturan atau arahan rasmi (sama ada mempunyai kuat kuasa undang-undang atau tidak) atau apa-apa perubahan dalam tafsiran atau penggunaannya yang menyebabkannya menyalahi undang-undang untuk Bank mengekalkan, membiayai atau melaksanakan obligasinya di bawah dokumen ini, Bank hendaklah memaklumkan tidak kurang daripada 21 hari kalendar berkenaan penamatan tersebut kepada Pelanggan. Kemudahan akan dibatalkan dan Pelanggan akan, selepas menerima notis daripada Bank membayar balik semua wang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan berserta apa-apa faedah padanya dan semua wang lain yang dipersetujui akan dibayar oleh Pelanggan dalam Terma dan Syarat ini.

19.2 Increased Costs: Where the Bank determines that, as a result of the introduction or variation of any law, order, regulation or official directive (whether or not having the force of law), or any change in the interpretation or application by any competent authority, or compliance with any request (whether or not having the force of law) from Bank Negara Malaysia or other fiscal, monetary or other authority, which:

Pertambahan Kos: Jika Bank menentukan bahawa, akibat pengenalan atau perubahan apa-apa undang-undang, perintah, peraturan atau arahan rasmi (sama ada mempunyai kuat kuasa undang-undang atau tidak), atau apa-apa perubahan dalam tafsiran atau penggunaannya oleh mana-mana pihak berkuasa kompeten, atau pematuhan terhadap apa-apa permintaan (sama ada mempunyai kuat kuasa undang-undang atau tidak) daripada Bank Negara Malaysia atau pihak berkuasa fiskal, monetari atau pihak berkuasa lain, yang:

- a) imposes on the Bank an obligation to make any payment (except in respect of tax on its overall net income) or forego any interest or other return on, or calculated by reference to, the amount of any sum received or receivable by the Bank from the Customer under the Facility; or *mengenakan ke atas Bank obligasi untuk membuat apa-apa pembayaran (melainkan berhubung dengan cukai ke atas keseluruhan pendapatan bersihnya) atau mengetepikan apa-apa faedah atau pulangan lain bagi, atau dikira dengan merujuk, amaun apa-apa jumlah yang diterima atau belum terima oleh Bank daripada Pelanggan di bawah Kemudahan; atau*
- b) imposes, modifies or deems applicable any reserve, deposit or similar requirement against any assets held by, or deposits with, in or for the account of, or loans by, the Bank; or *mengenakan, mengubah suai atau menganggap terpakai apa-apa rizab, deposit atau keperluan lain yang serupa terhadap apa-apa aset yang dipegang oleh, atau disimpan dengan, ke dalam atau bagi akaun, atau pinjaman oleh, Bank; atau*
- c) subjects the Bank to any tax with respect to or changes the basis of taxation in respect of any payment made or to be made to the Bank (except for changes in the rate of tax on the overall net income of the Bank); or *menyebabkan Bank tertakluk kepada apa-apa cukai berhubung dengan atau mengubah asas percukaian berhubung dengan apa-apa pembayaran yang dibuat atau akan dibuat kepada Bank (melainkan perubahan kadar cukai ke atas pendapatan bersih keseluruhan Bank); atau*
- d) imposes on the Bank any other condition affecting its granting of the Facility; *mengenakan ke atas Bank apa-apa syarat lain yang menjejaskan pemberian Kemudahan;*

which would increase the cost to the Bank of making or maintaining the Facility or reduce the amount of any sum received or receivable by it or reduce the Bank's effective return in respect of the Facility or on the Bank's capital allocated in support of the Facility or oblige it to make any payment on, or calculated by reference to, the amount of any sum received or receivable by it from the Customer under this T&C, then the Bank shall notify the Customer of the circumstances leading to its determination and:

yang akan menambahkan kos kepada Bank untuk menyediakan atau mengekalkan Kemudahan atau mengurangkan amaun apa-apa jumlah yang diterima atau belum diterimanya atau mengurangkan pulangan efektif Bank berhubung dengan Kemudahan atau ke atas modal Bank yang diperuntukkan bagi menampung Kemudahan atau mewajibkannya untuk membuat apa-apa bayaran bagi, atau dikira dengan merujuk, amaun apa-apa jumlah yang diterima atau belum diterimanya daripada Pelanggan di bawah Terma & Syarat ini, maka Bank akan memaklumkan kepada Pelanggan tentang keadaan yang menyebabkan keputusannya dan:

- i. the Customer shall pay to the Bank on demand such amount as the Bank may certify to be necessary upon the Bank's twenty-one (21) calendar days' prior notice for such additional cost or such reduction in returns to the Bank; *Pelanggan hendaklah membayar kepada Bank apabila diminta amaun tersebut seperti yang mungkin disahkan oleh Bank sebagai perlu selepas notis 21 hari kalendar terdahulu daripada Bank bagi kos tambahan tersebut atau pengurangan pulangan seumpamanya kepada Bank; dan*
- ii. at any time, so long as the circumstances giving rise to the obligation to make the compensating payment continue, the Customer may (on giving not less than fourteen (14) days notice to the Bank of its election so to do) elect to prepay, within a period of fourteen (14) days after the date of the Customer's notice to the Bank all monies payable under the Facility together with any interest thereon and all other monies agreed to be paid by the Customer hereunder; and *pada bila-bila masa, selagi keadaan menimbulkan obligasi untuk meneruskan bayaran pampasan tersebut, Pelanggan boleh (dengan memberikan notis tidak kurang dari empat belas hari (14) kepada Bank tentang pilihannya untuk berbuat demikian) memilih untuk membayar dahulu, dalam tempoh empat belas hari (14) selepas tarikh notis Pelanggan kepada Bank semua wang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan berserta apa-apa faedah padanya dan semua wang lain yang dipersetujui akan dibayar oleh Pelanggan dalam dokumen ini; dan*
- iii. upon receipt by the Bank of notice of such election the outstanding obligations of the Bank in any future utilisation of the Facility shall terminate and the Facility shall be cancelled to such extent. *selepas Bank menerima notis tentang pilihan tersebut, obligasi Bank yang belum dijelaskan bagi apa-apa penggunaan Kemudahan pada masa depan akan ditamatkan dan Kemudahan akan terbatal setakat itu.*

19.3 All security(ies), agreement(s), obligation(s) given or undertaken by the Customer shall continue to be valid and binding notwithstanding the Customer death, bankruptcy or mental incapacity, or any change in its constitution.

Semua sekuriti, perjanjian, obligasi yang diberikan atau diaku janji oleh Pelanggan akan terus sah dan mengikat walaupun Pelanggan meninggal dunia, bankrap atau mengalami ketakupayaan mental, atau apa-apa perubahan pada pembentukannya.

20.0 GOVERNING LAW / UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI

20.1 This T&C shall be construed and have effect in all respects in accordance with the laws of Malaysia. The Bank and the Customer agrees to submit to non-exclusive jurisdiction of the Malaysian Courts. The service of any writ or summons or legal process in respect of any actions or proceedings may be affected on the Customer by prepaid registered post (or such other mode as stipulated by law) to the Customer's current address. Where served by post, such other legal process shall be considered to have been served on the Customer five (5) calendar days after the date of posting.

Terma& Syarat ini hendaklah ditafsirkan dan berkuat kuasa dalam semua aspek mengikut undang-undang Malaysia. Bank dan Pelanggan bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa bukan eksklusif Mahkamah Malaysia. Penyampaian sebarang writ atau saman atau proses undang-undang berkenaan dengan sebarang tindakan atau prosiding mungkin terjejas ke atas Pelanggan melalui pos berdaftar prabayar (atau mod lain seperti yang ditetapkan oleh undang-undang) ke alamat semasa Pelanggan. Jika disampaikan melalui pos, proses undang-undang tersebut hendaklah dianggap telah disampaikan kepada Pelanggan lima (5) hari kalendar selepas tarikh pengeposan.

21.0 COMPLIANCE WITH LAW / PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

21.1 The Customer shall ensure continued compliance for the duration of the Facility with all statutes, by-laws, guidelines in Malaysia. The Customer shall obtain all consents, licenses, exemptions, approvals or authorisations as may be required by any applicable law, regulation or directive in order to enable the Customer/security party to perform their respective obligations in connection with the security documents.

Pelanggan hendaklah memastikan pematuhan berterusan sepanjang tempoh Kemudahan terhadap semua statut, undang-undang kecil dan garis panduan di Malaysia. Pelanggan hendaklah mendapatkan semua persetujuan, lesen, pengecualian, kelulusan atau kebenaran seperti yang mungkin dikehendaki oleh apa-apa undang-undang, peraturan atau arahan terpakai untuk membolehkan Pelanggan/pihak sekuriti melaksanakan obligasi masing-masing berhubung dengan dokumen sekuriti.

22.0 BANKRUPTCY OR WINDING UP SEARCH / CARIAN KEBANKRAPAN ATAU PENGGULUNGAN

22.1 The Bank may but is not obliged to conduct bankruptcy or winding up searches on the Customer prior to the disbursement of the Facility and from time to time thereafter. However, if searches are required, all charges incurred with regards to the bankruptcy or winding up searches (as the case may be) are to be borne by the Customer.

Bank boleh tetapi tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk melakukan carian kebangkrapan atau penggulungan ke atas Pelanggan sebelum pembayaran Kemudahan ini dan pada bila-bila masa dari semasa ke semasa selepas itu. Walau bagaimanapun, jika carian diperlukan, semua caj yang dikenakan berhubung dengan carian kebangkrapan atau penggulungan (mengikut mana-mana yang berkenaan) akan ditanggung oleh Pelanggan.

22.2 In the event that any of the searches confirm that the Customer is an adjudged bankrupt or wound up, or if there are any legal proceedings suits or actions of any kind, whether civil or criminal, instituted against the Customers, the Bank reserves the right to withdraw, cancel or terminate the Facility upon notice of the Customer.

Sekiranya sebarang carian tersebut mengesahkan bahawa Pelanggan adalah bankrap yang dihakimi atau telah digulungan, atau ada sebarang prosiding undang-undang, saman atau sebarang tindakan apa pun, sama ada sivil atau jenayah, dibuat terhadap Pelanggan, Bank berhak menarik, membatalkan atau menamatkan Kemudahan ini.

23.0 IMPOSITION OF TERMS BY BANK NEGARA MALAYSIA / PENGENAAN SYARAT OLEH BANK NEGARA MALAYSIA

23.1 The Facility shall at all times be governed by the rules, regulations and/or directives issued by Bank Negara Malaysia or any other authority having jurisdiction over the Bank.

Kemudahan ini pada setiap masa dikawal oleh kaedah, peraturan dan/atau arahan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia atau pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa terhadap Bank.

24.0 NOTICES / NOTIS

24.1 The notices or other communications are given to the Customer:

Notis tersebut akan diberikan kepada Pelanggan:

- in the case of post, five (5) days after the date of posting;
jika melalui pos, lima (5) hari kalendar selepas Tarikh pengeposan;*
- in the case of electronic mail, on the day it is sent provided that the Bank has not received a failed or undeliverable message from the host provider on the day of transmission;
jika melalui mel elektronik, pada hari penghantaran dengan syarat Bank tidak menerima mesej gagal dihantar atau tidak tidak boleh dihantar daripada penyedia hos pada hari penghantaran;*
- in the case of personal delivery, at the time of receipt;
jika melalui serahan peribadi, pada masa penyerahan;*
- in the case of any notices given orally on the day such notices are given. Such notices shall be subsequently confirmed in writing by the Bank; or
jika melalui apa-apa Notis yang diberikan secara lisan, pada hari Notis tersebut diberikan. Notis tersebut hendaklah disahkan selepas itu secara bertulis oleh Bank.*
- in the case any notices given via short messaging service system or any other mode which is not recorded in writing at the time of transmission of such notices.
jika melalui apa-apa Notis yang dihantar melalui sistem khidmat pesanan ringkas atau cara lain yang tidak direkodkan secara bertulis, pada masa Notis tersebut dihantar.*

25.0 MODIFICATION AND INDULGENCE / PENGUBAHSUAIAN DAN KELONGGARAN

25.1 The Bank, with an advance notice no less than twenty-one (21) days and without affecting the rights, powers and remedies conferred upon the Bank under this T&C and/ or the security documents, may take the following actions:
Bank dengan notis awal tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari dan tanpa mempengaruhi hak, kuasa dan remedi yang diberikan kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini dan/atau dokumen sekuriti, boleh mengambil tindakan berikut:

- a) neglect or forbear to enforce any of the terms in this T&C or any agreement between the Customer and the Bank or waive such terms as it considers fit or any breach by the Customer of the same as it deems fit without prejudice to its right later to act or insist on acting strictly in accordance with the originally agreed terms in respect of the existing or subsequent breach;
mengabaikan atau menghalang daripada menguatkuasakan mana-mana syarat dalam Terma & Syarat Standard ini atau dalam mana-mana perjanjian antara Pelanggan dengan Bank atau mengetepikan syarat tersebut atau apa-apa pelanggaran syarat oleh Pelanggan seperti yang dianggap sesuai tanpa menjejaskan haknya untuk bertindak atau bertegas untuk bertindak betul-betul menurut syarat yang dipersetujui pada asalnya berhubung dengan pelanggaran sedia ada atau berikutnya;
- b) determine, vary, renew or increase any credit or other facility granted to the Customer and may open or continue any account with the Customer at any branch or branches of the Bank;
menentukan, mengubah, memperbaharui semula atau menambah apa-apa kredit atau kemudahan lain yang diberikan kepada Pelanggan dan boleh membuka atau meneruskan sebarang akaun dengan cawangan Pelanggan atau cawangan Bank;
- c) restructure or reschedule any credit or other facility granted to the Customer, including but not limited to varying the number or the amount of instalments to be paid by the Customer;
menstrukturkan semula atau menjadualkan semula apa-apa kredit atau kemudahan lain yang diberikan kepada Pelanggan, termasuk tetapi tidak terhad pada mengubah bilangan atau amaun ansuran yang akan dibayar oleh Pelanggan;
- d) grant to the Customer at any time indulgence, waiver consent or release;
memberikan kepada Pelanggan pada sebarang masa ihsan, pengecualian, kebenaran atau pelepasan;
- e) deal with, exchange, release or modify or abstain from perfecting or enforcing any security or other guarantee or right it may now or at any time hereafter or from time to time have from or against the Customer;
menguruskan, menukar, melepaskan atau mengubah suai atau menahan daripada menyempurnakan atau menguatkuasakan apa-apa sekuriti atau jaminan atau hak lain yang mungkin ada pada masa ini atau pada bila-bila masa selepas ini atau dari semasa ke semasa daripada atau terhadap Pelanggan;
- f) release, discharge, compound or enter into any deed of composition with the Customer;
melepaskan, discaj, kompaun atau memasuki sebarang surat cara komposisi dengan Pelanggan;
- g) vary or amend any of the terms of the Facility (including this T&C) or any of the security documents; or
mengubah atau meminda sebarang terma Kemudahan ini (termasuk Terma & Syarat ini) atau sebarang dokumen sekuriti; atau
- h) grant further facilities, convert, vary, interchange, appropriate or substitute partly or wholly any of the Facility with other banking facilities.
memberikan kemudahan tambahan, menukar, mengubah, menyaling tukar, memperuntukkan atau menggantikan sebahagian atau keseluruhan Kemudahan dengan kemudahan perbankan lain.

25.2 If the Customer does not agree to the amended terms and conditions of the Facility, the Customer shall notify the Bank in writing within twenty-one (21) calendar days from the date the notice is deemed delivered by the Bank. The Customer must then redeem the Facility by paying the full indebtedness and all sums due to the Bank.
Jika Pelanggan tidak bersetuju dengan terma dan syarat Pindaan Kemudahan ini, Pelanggan hendaklah memberitahu Bank secara bertulis dalam masa dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh notis dianggap dihantar oleh Bank. Pelanggan kemudiannya mesti menebus Kemudahan dengan membayar hutangan dan semua jumlah terutang kepada Bank.

25.3 If the Customer continues to maintain the Facility, twenty-one (21) calendar days after the date the notice of any amendment to the terms and conditions of the Facility is deemed delivered by the Bank, the Customer shall be deemed to have accepted the amendments.
Sekiranya Pelanggan terus memelihara Kemudahan ini, dua puluh satu (21) hari kalendar setelah tarikh pemberitahuan dianggap telah disampaikan mengenai sebarang perubahan pada terma dan syarat Kemudahan oleh Bank, Pelanggan akan dianggap telah menerima pindaan terma dan syarat Kemudahan.

25.4 Notwithstanding the above, any changes made pursuant to laws or regulations will take effect immediately.
Walau apa pun di atas, sebarang perubahan yang dibuat menurut undang-undang atau peraturan akan berkuat kuasa serta-merta.

26.0 INDEPENDENT PAYMENT / OBLIGASI PEMBAYARAN BERASINGAN

26.1 The Customer expressly agrees and declares that each of the Customer's payment obligations to pay under this T&C, constitute a separate and independent obligations. These obligations shall give rise to separate and independent causes of actions and shall apply despite any waiver granted by the Bank and despite any judgment, order, claim or proof for a liquidated amount in respect of another obligation. The Bank may independently or simultaneously commence against the Customer under any other security documents.
Pelanggan nyata bersetuju dan mengisytiharkan bahawa setiap obligasi Pelanggan untuk membayar di bawah Terma dan Syarat ini, merupakan obligasi berasingan dan bebas. Obligasi ini akan menimbulkan sebab tindakan yang terpisah dan bebas dan akan terpakai walaupun ada pengecualian yang diberikan oleh pihak Bank dan walaupun wujud sebarang penghakiman, perintah, tuntutan atau bukti untuk jumlah yang dicairkan yang berkaitan dengan obligasi lain. Bank boleh secara bebas atau serentak memulakan tindakan terhadap Pelanggan di bawah mana-mana dokumen sekuriti lain.

27.0 INDEMNITY / TANGGUNG RUGI

27.1 Without prejudice to the foregoing terms and provisions, and in addition to and without prejudice to any other powers, rights and remedies which the Bank may be entitled to, the Customer shall indemnify the Bank and hold the Bank harmless from and against any losses, damages and expenses, legal or otherwise, (including but not limited to all legal costs incurred by the Bank on a solicitor and client basis) which the Bank may sustain, suffer or incur as a consequence of any default in the payment of the Facility and profit or any portion of the same. This indemnity covers any amounts payable under this T&C, the guarantee and/or the security documents, or on account of the non-observance of all or any of the terms, stipulations, agreements and provisions on the Customer's part or the part of any security party contained in this T&C or the security documents. Such losses, damages and expenses shall include, but not be limited to, such amounts as certified by the Bank (such certification being accompanied by the basis and calculation of such amount and being conclusive and binding upon the Customer save for any obvious error), unless such losses, damages or expenses are attributable to the default, negligence or fraud of the Bank.

Tanpa prejudis terhadap terma dan peruntukan di atas dan sebagai tambahan dan tanpa prejudis terhadap kuasa, hak dan remedi lain yang mungkin layak oleh Bank, Pelanggan akan menanggung rugi terhadap Bank dan menjadikan Bank tidak terjejas dari dan terhadap sebarang kerugian, ganti rugi dan perbelanjaan, sebarang pun, dari segi undang-undang atau sebaliknya, (termasuk tetapi tidak terhad kepada semua kos perundangan yang ditanggung oleh Bank atas dasar peguam cara dan pelanggan) yang Bank mungkin tanggung, alami atau berlaku sebagai akibat daripada sebarang kemungkiran pembayaran Kemudahan ini dan keuntungan di atasnya atau di sebarang bahagiannya, atau sebarang jumlah yang perlu dibayar di bawah Terma dan Syarat Am atau di bawah jaminan dan/atau dokumen sekuriti, atau kerana ketidakpatuhan kesemua atau sebarang terma yang termaktub dalam perjanjian dan peruntukan di pihak Pelanggan atau di pihak sebarang pihak sekuriti dan/atau penjamin yang terkandung di dalam Terma dan Syarat Am atau di bawah dokumen sekuriti, dan kerugian, ganti rugi dan perbelanjaan tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada jumlah yang disahkan oleh Bank (pengesahan tersebut disertakan dengan asas dan perhitungan jumlah tersebut dan menjadi konklusif dan mengikat Pelanggan kecuali untuk sebarang kesalahan nyata), kecuali kehilangan, ganti rugi atau perbelanjaan tersebut disebabkan oleh kemungkiran, kecuai atau penipuan daripada pihak Bank.

28.0 LIENS AND OTHER RIGHTS / LIEN DAN HAK LAIN

28.1 In addition and without prejudice to any other remedy, right or security which the Bank may have, the Bank shall, for as long as the Facility shall remain in effect or any money remains to be payable by the Customers, have a general lien on all the Customer securities and other assets which are now or which may from time to time be deposited with, in or come into the possession, custody or control of the Bank and/or the Bank's nominee, whether for safe custody or security or otherwise or for any specific or general purpose.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan apa-apa remedi, hak atau sekuriti lain yang mungkin dimiliki oleh Bank, Bank akan, selagi Kemudahan terus berkuat kuasa atau apa-apa wang masih dibayar oleh Pelanggan, mempunyai lien am terhadap semua sekuriti dan aset lain Pelanggan yang pada masa ini atau mungkin dari semasa ke semasa disimpan dengan, dalam pemilikan atau menjadi milik, dijaga atau dikawal oleh Bank sama ada untuk jagaan selamat atau sekuriti atau selainnya atau bagi apa-apa tujuan khusus atau am.

28.2 Nothing in this T&C shall prejudice or affect the rights, remedies or any other security which the Bank may be entitled to or hold for the principal sums outstanding under the Facility or any other monies owed by the Customers to the Bank. Additionally, nothing in this T&C shall prejudice or affect any bill, note, guarantee, charge or other security which the Bank may for the time being have or hold for any monies financed or advanced, profit on the same and other monies or any right or remedy of the Bank under such bill, note, guarantee, charge or other security.

Tiada sebarang dalam Terma & Syarat ini boleh memudaratkan atau menjejaskan hak, remedi atau sebarang sekuriti lain yang Bank mungkin berhak atau pegang untuk jumlah prinsipal tertunggak di bawah Kemudahan ini atau sebarang wang lain yang terhutang oleh Pelanggan kepada Bank. Selain itu, tiada di dalam Terma dan Syarat ini memprejudiskan atau menjejaskan sebarang bil, nota, jaminan, gadaian atau sekuriti lain yang Bank mungkin pada masa kini mempunyai atau memegang sebarang wang yang dibiayai atau dahulukan, keuntungan ke atasnya dan wang lain yang disebutkan di atas atau sebarang hak atau remedi Bank di bawah bil, nota, jaminan, gadaian atau sekuriti lain.

29.0 GROUP PRIVACY NOTICE / NOTIS PRIVASI KUMPULAN

29.1 The Customer hereby confirm that the Customer has read, understood and agreed to be bound by AFFIN Group Privacy Notice and its clauses as may relate to the processing of the Customer's personal information. For the avoidance of doubt, the Customer agrees that the said Group Privacy Notice shall be deemed to be incorporated by reference into this T&C.

Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa Pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan AFFIN dan fasalnya boleh dikaitkan dengan pemprosesan maklumat peribadi Pelanggan. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi Kumpulan tersebut akan dianggap sebagai digabungkan secara rujukan ke dalam Terma & Syarat ini.

29.2 Where the Customer provides personal and/or financial information relating to third parties, including information relating to the Customer personal reference and dependents for the purpose of opening or operating the Customer account(s)/facility(ies) with us or otherwise subscribing to our products and services, the Customer:

Sekiranya Pelanggan memberikan maklumat peribadi dan/atau kewangan berkenaan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat berkaitan rujukan peribadi dan tanggungan Pelanggan bagi tujuan membuka atau mengendalikan akaun/kemudahan Pelanggan dengan kami atau selainnya melanggan produk dan perkhidmatan kami, Pelanggan:

- a) confirm that the Customer has obtained their consent and/or are otherwise entitled to provide this information to us and for us to use it in accordance with this T&C;
mengesahkan bahawa Pelanggan telah mendapat kebenaran mereka dan/atau selainnya berhak memberikan maklumat ini kepada kami dan untuk kami menggunakannya menurut Terma & Syarat ini;
- b) agree to ensure that the personal and financial information of the said third parties is accurate; and
bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; dan
- c) agree to update the Bank in writing in the event of any material change to the said personal and financial information.
bersetuju untuk memberikan maklumat terkini kepada Bank secara bertulis sekiranya terdapat apa-apa perubahan penting pada maklumat peribadi dan kewangan tersebut.

- 29.3 Where the Customer instructs the Bank to effect any sort of cross border transaction (including to make or receive payments), the details relevant to the cross border transaction (including information relating to those involved in the said transaction) may be received from or sent abroad, where it could be accessible (whether directly or indirectly) by overseas regulators and authorities in connection with their legitimate duties (e.g. the prevention of crime). In instructing the Bank and/or the Bank's agents to enter into any cross-border transaction on the Customer behalf, the Customer agrees to the above said disclosures on behalf of the Customer and others involved in the said cross border transaction.
Sekiranya Pelanggan mengarahkan Bank untuk melaksanakan apa-apa jenis urus niaga rentas sempadan (termasuk membuat atau menerima bayaran), butiran berkaitan urus niaga rentas sempadan itu (termasuk maklumat berkaitan pihak yang terlibat dalam urus niaga tersebut) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berhubung dengan tugas mereka yang sah (contohnya pencegahan jenayah). Semasa mengarahkan Bank dan/atau ejen Bank untuk membuat apa-apa urus niaga rentas sempadan bagi pihak Pelanggan, Pelanggan bersetuju dengan pendedahan yang tersebut di atas bagi pihak Pelanggan dan pihak lain yang terlibat dalam urus niaga rentas sempadan tersebut.
- 29.4 Customer acknowledges that certain communications such as statements of account and the Bank's websites contain standard information regarding the Bank's other products and services that cannot be removed without affecting the delivery/provision of the Bank's services and/or products, the operation of the Customer's account(s) and/or facility(ies) with us, and/or additional costs to the Customer.
Pelanggan mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti penyata akaun dan laman web Bank mengandungi maklumat standard berhubung dengan produk dan perkhidmatan lain Bank yang tidak boleh dibuang tanpa menjejaskan penyampaian/penyediaan perkhidmatan dan/atau produk Bank, pengendalian akaun dan/atau kemudahan Pelanggan dengan kami, dan/atau kos tambahan kepada Pelanggan.
- 29.5 The Bank may use a credit reference agency to help make decisions, for example when the Bank needs to:
Bank boleh menggunakan agensi rujukan kredit untuk membantu dalam membuat keputusan, contohnya apabila Bank perlu:
- a) check details on applications for credit and credit related or other facilities;
menyemak butiran permohonan kredit dan berkaitan kredit atau kemudahan lain;
 - b) manage credit and credit-related accounts or facilities, including conducting reviews of the Customer's portfolio(s); and/or
menguruskan akaun atau kemudahan kredit dan berkaitan kredit, termasuk menjalankan semakan semula terhadap portfolio Pelanggan; dan/atau
 - c) recover debts.
mendapatkan semula hutang.
- 29.6 The Customer will be linked by credit reference agencies to any other names the Customer uses or has used, and any joint and several Applicants. The Bank may also share information about the Customer and how the Customer manages the Customer's account(s)/facility(ies) with relevant credit reference agencies.
Pelanggan akan dihubungkan oleh agensi rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang digunakan atau pernah digunakan oleh Pelanggan, dan mana-mana pemohon bersesama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang Pelanggan dan cara Pelanggan menguruskan akaun/kemudahannya dengan agensi rujukan kredit yang berkenaan.
- 29.7 The Bank reserves the right to amend this clause from time to time but shall provide twenty-one (21) calendar days' prior notification to the Customer in writing and place any such amendments on the Bank's websites and/or by placing notices at the banking halls or at prominent locations within the Bank's branches.
Bank berhak meminda fasal ini dari semasa ke semasa tetapi akan memberikan 21 hari kalendar pemakluman kepada Pelanggan secara bertulis terlebih dahulu dan memaparkan apa-apa pindaan tersebut dalam laman web Bank dan/atau meletakkan notis di dewan perbankan atau di lokasi utama di cawangan Bank.
- 29.8 This clause shall be without prejudice to any other clause in this T&C or in the regulatory requirements of BNM which provides for the disclosure of information.
Fasal ini tidak akan menjejaskan mana-mana fasal lain dalam Terma & Syarat ini atau dalam keperluan kawal selia BNM yang memberikan peruntukan untuk pendedahan maklumat.
- 30.0 **TAX CLAUSE / FASAL CUKAI**
- 30.1 Any sum specified or payable under this T&C is exclusive of applicable taxes. The Bank's charges do not include any future taxes that may be imposed. If a new tax or levy is implemented, the Bank is entitled to recover from the Customer any such taxes or levies imposed by laws or regulations (including any amendments thereto) on fees, charges, or services related to the Customer's account and/or facilities with the Bank. Sebarang jumlah yang dinyatakan atau perlu dibayar di bawah Terma dan Syarat ini tidak termasuk cukai yang dikenakan. Caj Bank tidak termasuk sebarang cukai masa hadapan yang mungkin dikenakan. Jika cukai atau levi baharu dilaksanakan, Bank berhak untuk mendapatkan semula daripada Pelanggan apa-apa cukai atau levi yang dikenakan oleh undang-undang atau regulasi (termasuk sebarang pindaan padanya) ke atas fi, caj, atau perkhidmatan yang berkaitan dengan akaun dan/atau kemudahan Pelanggan dengan Bank
- 31.0 **FORCE MAJEURE / FORCE MAJEURE**
- 31.1 The Bank shall not be liable to fulfill its obligations under this T&C if such failure is caused by events beyond the Bank's reasonable control, including but not limited to natural disasters, riots, public unrests, terrorist acts, labor strikes, lockouts, fires, floods, accidents, machine failures or computer/system failures. In such event, the Bank shall provide written notice to the Customer as soon as reasonably practicable.
Bank tidak akan bertanggungjawab untuk memenuhi kewajipannya di bawah T&C ini jika kegagalan tersebut disebabkan oleh peristiwa di luar kawalan munasabah Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, rusuhan, pergolakan awam, tindakan penganas, mogok buruh, sekatan masuk, kebakaran, banjir, kemalangan, kegagalan mesin atau kegagalan komputer/sistem. Dalam keadaan sedemikian, Bank hendaklah memberikan notis bertulis kepada Pelanggan secepat yang munasabah.
- 32.0 **SUCCESSORSHIP / PENGGANTIAN**
- 32.1 This T&C shall be binding upon the heirs, successors, representatives and assigns of the parties to this T&C.
Terma & Syarat ini akan mengikat waris, pengganti, wakil atau penerima serah hak bagi pihak dalam Terma & Syarat ini.

33.0 WHISTLE-BLOWING & BUSINESS ETHICS / PEMBERIAN MAKLUMAT & ETIKA PERNIAGAAN

33.1 The Customer shall, as soon as reasonably possible, in writing or orally, inform any of the officers of the Bank, upon having knowledge of any director, officer or employee of the Bank, directly or indirectly, asking for or receiving from the Customer or it's a of this affiliates, any Gratification, whether for personal benefit or advantage or of the benefit or advantage of any other person, whether before, during or after the term of this T&C and the Customer or their Affiliates knows that such Gratification is not for the benefit of the Bank.

Pelanggan hendaklah, seberapa segera mungkin, secara bertulis atau secara lisan, memaklumkan kepada mana-mana pegawai Bank, apabila mengetahui tentang sebarang pengarah, pegawai atau pekerja Bank, sama ada secara langsung atau tidak langsung, meminta atau menerima daripada Pelanggan atau Sekutunya, sebarang Suapan berhubung dengan Terma dan Syarat ini sama ada untuk faedah atau kelebihan peribadinya atau faedah atau kelebihan orang lain, sama ada sebelum, semasa atau selepas tempoh Terma dan Syarat ini, dan Pelanggan atau Sekutunya tahu bahawa Suapan tersebut bukan untuk faedah Bank.

33.2 The Customer undertakes that neither it nor its Affiliate nor anyone acting on its direction or authority shall, whether before, during or after the term of this T&C, directly or indirectly, give, offer, or agree to give or offer, any Gratification in relation to this T&C as an inducement or reward to any director, officer, employee of the Bank or any other person, for doing or forbearing from doing or for having done or forborne from doing any act, or for showing or refraining from showing favour or disfavour to any person, in relation to this T&C.

Pelanggan beraku janji bahawa tiada dia atau Sekutunya atau sesiapa yang bertindak atas arahan atau kuasanya, sama ada sebelum, semasa atau selepas tempoh Terma dan Syarat ini, secara langsung atau tidak langsung, memberi atau menawarkan, atau bersetuju untuk memberi atau menawarkan, sebarang Suapan berhubung dengan Perjanjian ini sebagai dorongan atau ganjaran kepada sebarang pengarah, pegawai atau pekerja Bank atau orang lain, kerana melakukan atau menahan dari melakukan atau kerana telah melakukan atau telah menahan dari melakukan sebarang perbuatan pun, atau kerana menunjukkan atau menahan dari menunjukkan pilih kasih atau tidak suka terhadap sebarang orang, berhubung dengan Terma dan Syarat.

33.3 If there is evidence that the Customer, its Affiliate or anyone acting under its direction or authority is in breach of clause 33.1 or 33.2 above, the Bank may terminate this Facility (without prejudice to the Bank's other rights remedies under the law) by giving written notice to the Customer. Upon such termination, the Bank shall be entitled to claim all losses, costs, damages and expenses including any incidental costs and expenses incurred by the Bank arising from such termination. The Customer shall not be entitled to recover from the Bank any loss arising from such termination.

Sekiranya terdapat keterangan bahawa Pelanggan, Sekutunya atau sesiapa yang bertindak di bawah arahan atau kuasanya melanggar fasal 33.1 atau 33.2 di atas, pihak Bank boleh menamatkan Perjanjian ini (tanpa prejudis terhadap hak remedi Bank yang lain di bawah undang-undang) dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan. Setelah penamatan tersebut, pihak Bank (atau sebarang deskripsi yang digunakan secara konsisten dalam Perjanjian ini) berhak menuntut semua kehilangan, kos, kerugian dan perbelanjaan termasuk sebarang kos dan perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh Bank yang timbul daripada penamatan tersebut. Pelanggan tidak berhak untuk mendapatkan kembali dari Bank sebarang kerugian yang berbangkit akibat penamatan tersebut.

33.4 Notwithstanding any other provision herein but subject to any written law and with the exception of written requests from the Customer's internal auditors or lawyers for information required by any laws, the Bank shall keep confidential any information disclosed or received including the identity of the person giving the information and all the circumstances relating to the information.

Walau apa pun peruntukan lain di Terma dan Syarat ini tetapi tertakluk pada undang-undang bertulis dan dengan permohonan bertulis untuk mengetepikan dari juruaudit dalaman atau peguam Pelanggan untuk maklumat yang diperlukan oleh undang-undang, pihak Bank akan merahsiakan segala maklumat yang didedahkan atau diterima termasuk identiti orang yang memberikan maklumat dan semua keadaan yang berkaitan dengan maklumat tersebut.

33.5 The Customer shall also whistle-blow if any malpractice or wrong-doing by the Bank's staff or employees toward them or their staff, agents or contractors. Pelanggan juga akan mendedahkan jika ada penyelewengan atau salah laku oleh kakitangan atau pekerja Bank terhadap mereka atau kakitangan, ejen atau kontraktor mereka.

33.6 For the purpose of this clause:

Bagi tujuan fasal ini:

a) "Affiliate" means in relation to the Customer, any person or entity owned and controlled directly or indirectly by the Customer, or any person or entity that controls directly or indirectly the Customer in any way whatsoever.

"Ahli Gabungan" ertinya berhubung dengan Pelanggan, mana-mana orang atau entiti yang dimiliki dan dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh Pelanggan, atau mana-mana orang atau entiti yang mengawal Pelanggan secara langsung atau tidak langsung dalam apa jua cara sekalipun.

b) ("Gratification" includes any gift, money, property or thing of value or any service, favour or other thing of value, or any service, favour or other intangible benefit or consideration of any kind, or any other similar advantage.

"Suapan" termasuk apa-apa hadiah, wang, harta atau benda bernilai atau apa-apa perkhidmatan, sokongan atau benda bernilai lain, atau apa-apa perkhidmatan, sokongan atau manfaat tak ketara lain atau apa-apa jenis balasan, atau apa-apa kelebihan lain yang serupa.

33.7 The Customer shall demonstrate a high standard of ethical conduct and professionalism in order to safeguard the Bank's good name by taking all necessary safeguards and precautions to alert the commission of any unethical action including any appearance or impression to such effect. Pelanggan harus menunjukkan tingkah laku etika dan profesionalisme yang tinggi untuk melindungi nama baik Bank dengan mengambil semua perlindungan dan langkah berjaga-jaga yang diperlukan untuk menyedari berlakunya sebarang tindakan yang tidak beretika termasuk penampilan atau kesan yang berlaku.